

26 JUL 2002

LID-ZIMBABWE/I

PENDEKATAN LEBIH BERANI PERLU UTK ADAKAN LEBIH USAHASAMA M'SIA-AFRIKA

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Pelabur-pelabur Malaysia mungkin memerlukan pendekatan lebih berani atau berkeusahawanan untuk menubuhkan lebih banyak usaha sama dengan peniaga-peniaga Afrika, kata Pesuruhjaya Tinggi Zimbabwe ke Malaysia, Chitsaka Chipaziwa.

Sambil menekankan bahawa rakan-rakan kongsi Afrika mungkin tidak sekaya modal seperti rakan Malaysia, katanya, "Ketidak padanan matlamat ini boleh diselesaikan pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)."

Chipaziwa, di dalam jawapan bertulis kepada soalan-soalan daripada Bernama hari ini, berkata minat yang menurun di kalangan sesetengah badan perniagaan Malaysia ke atas LID adalah bagi mereka yang mengambil berat untuk diselesaikan.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, penaung LID 2002, baru-baru ini yang menyatakan minat yang berkurangan itu mungkin disebabkan tanggapan oleh usahawan-usahawan Malaysia yang mereka tidak banyak membuat kemajuan sepanjang beberapa tahun walaupun telah menghadiri sebilangan dialog perkongsian bijak.

"Sekiranya minat mereka memang menurun, maka usaha-usaha mestilah dilakukan untuk memulihkannya. Mencuba lebih kuat adalah satu pilihan," saran Chipaziwa.

Pemimpin-pemimpin Zimbabwe dan juga kerajaannya dan sektor swasta adalah antara peserta peneraju LID. Mereka telah mengambil bahagian di dalam semua perundingannya sejak LID bermula pada 1995.

Untuk LID tahun ini, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe sekali lagi akan mengetuai perwakilan negaranya.

Memuji kelebihan-kelebihan LID, Chipaziwa berkata: "Dialog itu amat bermanfaat, termasyhur."

Sebilangan usaha yang berasal dari LID dan agak banyak rakan kongsi perniagaan atau pelaburan ditemui pada dialog-dialog itu, katanya.

"Terdapat pelbagai perhubungan perdagangan dan pelaburan di antara Malaysia dan Zimbabwe yang boleh dicetuskan oleh LID sebagai titik permulaannya.

"Sebilangan pakar dan jurulatih telah memberi manfaat kepada Zimbabwe dan pertukaran itu juga tidak boleh merupakan benda yang sehalu. Banyak usaha sama telah dipupuk oleh LID dan kebanyakannya sedang berkembang," kata beliau.

Mengulas mengenai tema LID 2002 bertajuk "Ke Arah Dunia Lebih Pintar: Mempertingkatkan Keselamatan dan Kemakmuran bagi Pembangunan Melalui Perkongsian Pintar", Chipaziwa berkata sebuah dunia yang selamat adalah unggul bagi semua yang berkenaan.

Tema itu dipilih berikutan serangan ganas 11 September ke atas AS.

Mendapati bahawa banyak negarawan telah menuding kepada kemiskinan sebagai tapak semaian yang subur bagi keganasan, katanya kemakmuran yang dikongsi adalah satu cara menafikan peluang bagi keganasan untuk berakar umbi.

"Persefahaman bersama yang lebih besar di kalangan semua negara akan menafikan keganasan tempat perlindungan. LID adalah satu cara bagi menggalakkan keamanan dan perhubungan sama-sama untung. Oleh itu, tema ini adalah sesungguhnya paling relevan."

Mengenai satu lagi perkara, Chipaziwa berkata LID tahun ini, Zimbabwe akan diwakili pada beberapa peringkat, termasuk para profesional dan usahawan muda yang membuat kemunculan sulung mereka di dalam dialog itu.

Penganjur-penganjur LID, Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), telah memasukkan kumpulan itu di dalam dialog itu bagi mendedahkan mereka kepada bidang antarabangsa dan menjadikan mereka penganut pergerakan perkongsian bijak.

LID 2002, dijadual pada 1-3 Ogos, membentuk sebahagian daripada Global 2002, yang turut merangkumkan Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID) dan Dialog Antarabangsa Afrika Timur (EAID).

Dialog-dialog berkenaan didorong oleh keinginan supaya kerajaan-kerajaan dan sektor-sektor swasta daripada negara-negara membangun duduk bersama untuk bertukar-tukar pandangan dan idea dan bagaimana cara terbaik membangunkan negara mereka.

-- BERNAMA

MAD SHY OS ROS